

Headline	TINGKAT KESEDARAN PULIHARA HUTAN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V7	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	846 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 32,681
Frequency	Daily	PR Value	RM 98,043



GAMBAR NOOR HIDAYAH TANZILI

TINGKAT KESEDARAN PULIHARA HUTAN

Hari Terbuka FRIM tarik lebih 2,000 pengunjung sempena ulang tahun ke-30

PENGUNJUNG teruja melihat pameran yang disediakan.

DR Abd Latif berucap merasmikan Hari Terbuka FRIM.

RENCANA

Oleh Mohamad Hussin
mohamad_hussin@hmetro.com.my

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menganjurkan Hari Terbuka dan Alam Sekitar Sedunia 2015 sempena hari ulang tahun FRIM ke-30 di Kepong, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Lebih 2,000 pengunjung melawat FRIM sempena Hari Terbuka FRIM itu.

Pelbagai kemudahan penyelidikan FRIM seperti Herbarium Kebangsaan, tapak sediaan, makmal termasuk makmal teknologi bijih benih, makmal kultur tisu, makmal genetik, makmal fitokimia dan makmal pembangunan produk herba dibuka kepada orang ramai.

Pengunjung juga dapat melihat penggunaan peralatan bagi menjalankan inventori hutan dan menilai kesihatan pokok hutan bandar.

Terdapat pelbagai demonstrasi kerja makmal dan lapangan dijalankan penyelidikan FRIM, pameran yang memaparkan koleksi serangga FRIM, tumbuhan herba dan produk herba, jualan produk penyelidikan hutan seperti bijih benih, pokok herba serta tumbuhan hiasan.

Jualan cenderahati serta aktiviti 'face painting', pertandingan melukis dan kolaj, boling hutan, pertandingan berbasikal perlahan, 'museum hunt', teka-teki dan sebagainya.

Bahagian Perkhidmatan Teknikal FRIM memberi 1,714 naskhah buku FRIM secara percuma kepada orang ramai.

Salah satu aktiviti tarikan utama ialah demon-

KANAK-KANAK diberi penerangan mengenai aktiviti dalam hutan FRIM.

tra- s i me- man- j a t pokok dengan o r a n g r a m a i juga di- beri pe- l u a n g u n t u k mempelajari kemahiran berkenaan.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod. Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan), Dr Mohamed Nur Mohd Yusoff; Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Dr Norini Haron dan Ketua Komunikasi Korporat FRIM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Hari Terbuka FRIM, Norhayati Nordin.

Abd Latif dalam ucapannya berkata, pengisian aktiviti yang dikendalikan bahagian penyelidikan dan operasi di FRIM dapat mengisi ruang masa cuti pelajar sekali gus menyemat rasa penghargaan dan perasaan cinta alam sekitar.

FRIM yang akan menyambut ulang tahun ke-30 pada 1 Oktober ini ditubuhkan pada tahun 1985 di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia.

"Sebelum itu, kawasan ini dibangunkan sebagai plot (tanaman percubaan spesies pokok bernilai komersial sebelum menjadi hutan tropika buatan yang paling tua dan paling besar dalam sejarah dunia," katanya.

Menurutnya, kampus FRIM turut menjadi habitat kepada 75 daripada 92 spesies tumbuhan terancam di negara ini.

"Kini, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan di FRIM menyumbang kepada kelestarian biodiversiti, pengurusan hutan yang mampan, pendokumentasian spesies terancam, pengembangan industri herba dan pengetahuan tradisi serta penghasilan teknologi mesra alam.

"FRIM membuka kampusnya untuk kegunaan pelawat serta pencinta alam sebagai tempat berekreasi dan beriadah. FRIM hanya mengharapkan kerjasama daripada orang ramai untuk sama-sama menjaga kebersihan kampus serta tidak menyalahgunakan kemudahan yang disediakan FRIM," katanya.

KANAK-KANAK turut terhibur sempena Hari Terbuka FRIM.

AKTIVITI senamrobik turut diadakan.